

## **Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris di Malaysia: Pengalaman Selari Negara Singapura Berdasarkan Buku *Lee Kuan Yew, My Lifelong Challenge: Singapore's Bilingual***

Lutfan Jaes; Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia; [lutfan@uthm.edu.my](mailto:lutfan@uthm.edu.my)

Mohd Amar Maarof Ahmad; Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia;

[amar\\_maarof@yahoo.com](mailto:amar_maarof@yahoo.com)

**Abstrak** - Di Malaysia, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Julai 2009 telah memansuhkan pelaksanaan Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) di sekolah-sekolah dan digantikan dengan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI). Perubahan-perubahan dasar pendidikan di Malaysia dengan perubahan terkini daripada PPSMI kepada MBMMBI dilihat hampir selari dengan perubahan-perubahan dasar yang telah diusahakan di Singapura melalui *Bilingualism Policy*. Sistem pendidikan yang "dipaksakan" hampir selama 51 tahun (sejak 1959) oleh Lee Kuan Yew (LKY) ini telah memberikan implikasi besar terhadap suasana ekonomi, politik dan sosial Singapura masa kini. *Bilingualism Policy* secara umumnya menuntut kemahiran bahasa Inggeris dan menguasai salah satu daripada bahasa rasmi (Melayu, Mandarin atau Tamil). Sehubungan dengan itu, buku bertajuk *Lee Kuan Yew, My Lifelong Challenge: Singapore's Bilingual Journey* terbitan *Straits Times Press* (2012) disoroti. Ia cuba diteliti, difahami, dibanding dan evolusinya diceritakan semula sesuai dengan keperluan umum. Malaysia-Singapura berkongsi faktor demografi dan latar sejarah yang hampir sama tetapi berbeza nisbah komposisi penduduk dan nilai spiritualnya. Mungkin tiada apa yang boleh dicontohi dari sorotan ini namun sekurang-kurangnya gaya pemikiran dan pengurusan LKY dalam pelaksanaan dasar dwibahasanya boleh dijadikan ikhtibar dan dijana bagi kebaikan semua pakar pelaksana dasar bahasa di Malaysia khususnya dan di negara Asia Tenggara lain amnya.

**Kata kunci** - PPSMI; MBMMBI; *Bilingual Policy*.

### **PENGENALAN**

Konsep bilingualisme atau kedwibahasaan wujud apabila masyarakat dalam sesebuah negara menggunakan 2 bahasa atau lebih. Macnamara (1967) dalam Rasdi (2005) menyatakan kedwibahasaan bermaksud seseorang itu dapat menguasai sekurang-kurangnya satu kemahiran bahasa dalam bahasa keduanya walaupun pada tahap yang minimum. Pendidikan bilingualism atau dwibahasa merupakan salah satu dasar pendidikan yang menjadi lumrah bagi negara-negara yang mempunyai penduduk berbilang bangsa atau berbilang kumpulan etnik. Dasar pendidikan ini penting dalam sistem pendidikan khususnya bagi negara-negara yang pernah diduduki penjajah sebagaimana yang dialami oleh negara-negara ASEAN

seperti Malaysia, Singapura, Indonesia, Filipina, Brunei kecuali Thailand (Rasdi, 2006).

Kertas kerja ini akan cuba menyoroti pengalaman Singapura dalam mengurus dasar pendidikan dwibahasanya. Lebih menarik ia akan disoroti melalui pengalaman Bapa Singapura iaitu Lee Kuan Yew (LKY) berdasarkan buku terakhirnya bertajuk *Lee Kuan Yew, My Lifelong Challenge: Singapore's Bilingual Journey* (LKY-MLC:SBJ) terbitan *Straits Times Press* (2012). LKY negarawan unggul Asia Tenggara yang berjaya menggerakkan tindakan-tindakan pragmatik dengan nilai dan gaya kepimpinan berkesan demi mencapai visi yang dirancang dalam konteks pembangunan sesebuah negara. Rekod pengalaman politiknya lebih 60 tahun<sup>35</sup> hampir tidak boleh ditandingi oleh mana-mana negarawan di Singapura khususnya dan di Asia Tenggara umumnya.<sup>36</sup> Keupayaan kepimpinannya membawa masyarakat berkembang maju dari satu tahap ke satu tahap yang lain. Beliau membimbing Singapura menjadi negara maju,<sup>37</sup> dalam keadaan Singapura terputus dengan kawasan "pedalaman" nya<sup>38</sup> (Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak) yang selama ini telah membekalkan bahan mentah. Mungkin tiada apa yang boleh dicontohi namun sekurang-kurangnya gaya pemikiran dan pengurusan LKY khusus dalam pelaksanaan dasar dwibahasanya boleh dijadikan ikhtibar dan memberikan pengkayaan pengetahuan baru dalam mengurus sektor pendidikan negara yang majmuk sifat rakyatnya.

### **LEE KUAN YEW: ASAS PENDIRIAN DAN TINDAKAN**

Adalah penting untuk memahami asas pendirian politik LKY terhadap masyarakatnya sebelum melihat dasar dwibahasa yang dilaksanakan. Malah asas pendirian "sama rata" beliaulah yang menyebabkan Singapura disingkirkan dari Persekutuan Malaysia. LKY dalam satu temubual di dalam buku *Lee Kuan Yew - Hard Truth To Keep Singapore Going* (2011) menegaskan,

*My fundamental belief is that whatever your background, you should have an equal chance in life, in education, in health, in nutrition. So you may not be as well-fed with all the meat and vitamins as a wealthier person, but you should have enough to make sure that you're not stunted, so you can perform and achieve your best in life. That's the only way a society can*

---

<sup>35</sup> LKY lahir pada 16 September 1923 dan mula terlibat dengan politik seawal April 1955 sebagai Ahli Parlimen Tanjung Pagar di bawah tiket *People's Action Party* (PAP) . Seterusnya menjadi Perdana Menteri Singapura Pertama (5 Jun 1959 - 28 November 1990), Menteri Senior (28 November 1990 - 12 Ogos 2004) dan Menteri Mentor (12 Ogos 2004 - 21 May 2011).

<sup>36</sup> Penulis berpendapat Tun Mahathir dari Malaysia dan Presiden Suharto daripada Indonesia sahaja yang mampu menyainginya.

<sup>37</sup> Sila baca lanjut : - Lee, K. Y. (2000). *From Third World To First- The Singapore Story : 1965-2000 Memoirs of Lee Kuan Yew*. Singapore : Marshall Cavendish Edition.

<sup>38</sup> Pada 9 Ogos 1965, Parlimen Malaysia secara rasmi mengeluarkan Singapura daripada menjadi sebahagian daripada Malaysia. Singapura muncul menjadi sebuah republik yang merdeka dan berdaulat.

*grow. I am against a society which has no sense of nurturing its best to rise to the top. I'm against a feudal society where your birth decides where you stay in the pecking order (Han Fook Kwang & Rakan, 2011)*

Dalam satu ucapan terakhirnya di Parlimen Malaysia sebelum Singapura di singkirkan,

Jika kita mengelirukan rakyat untuk mempercayai bahawa mereka miskin kerana tiada terdapat hak-hak istimewa orang Melayu atau kerana anggota pembangkang menentang hak-hak orang Melayu, apakah yang akan berlaku kepada kita akhirnya? Anda membuat orang-orang kampung percaya bahawa mereka miskin kerana tidak bertutur dalam bahasa Melayu, kerana kerajaan tidak menulis dalam bahasa Melayu, jadi mereka mengharapkan satu keajaiban akan berlaku pada tahun 1967 (apabila bahasa Melayu menjadi bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal). Sebaik-baik sahaja kita semua mula bertutur bahasa Melayu, mereka akan menikmati taraf hidup lebih tinggi, dan jika tidak berlaku apakah jadinya nanti?.....Sementara itu, apabila sahaja terdapat kegagalan dalam dasar-dasar ekonomi, sosial dan pendidikan, anda menoleh dan berkata, oh orang-orang Cina yang jahat ini, orang India dan orang-orang lain telah menentang hak-hak orang Melayu. Mereka tidak menentang hak-hak orang Melayu. Mereka, orang-orang Melayu, mempunyai hak sebagai rakyat Malaysia untuk mendaki ke paras yang lebih tinggi dalam latihan serta pendidikan yang telah melahirkan masyarakat bukan Melayu yang lebih berdaya saing. Bukankah ini yang sepatutnya di lakukan? Bukan dengan menyogok mereka dengan doktrin-doktrin kabur bahawa apa yang mereka perlu lakukan ialah dengan mendapatkan hak-hak bagi segelintir orang Melayu istimewa dan dengan itu segala masalah mereka akan terhurai.... (Lee Kuan Yew, 1998)

## **CABARAN UMUM DWIBAHASA DI SINGAPURA: PENGENALAN**

Tumpuan masalah dwibahasa di Singapura lebih kepada Bahasa Mandarin lawan Bahasa Inggeris. Ini sesuai dengan komposisi penduduk kaum Cinanya yang meliputi 75% dari keseluruhan warga Singapura. LKY menyatakan bahawa Bahasa Mandarin dan Bahasa Inggeris merupakan kombinasi dwibahasa yang paling sukar. Ini kerana,

*Written Chinese has no alphabet or phonetic symbols. Each word or character is a monosyllable with one of four tones. If you have not caught the different tones in young childhood, it is difficult to catch them when an adult (Lee Kuan Yew, 2012)*

Sebelum tahun-tahun 1965<sup>39</sup> an sekolah-sekolah di Singapura wujud dengan beberapa aliran seperti sekolah aliran Inggeris, Melayu, Cina dan Tamil. Ia seperti juga apa yang berlaku di Malaysia. Murid-murid yang bersekolah aliran Inggeris akan belajar bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama dan bahasa Melayu atau bahasa Cina atau bahasa Tamil sebagai bahasa kedua. Sebaliknya mereka yang bersekolah aliran Melayu, Cina atau Tamil akan belajar bahasa-bahasa penghantar ini sebagai bahasa pertama dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Dalam hal ini

---

<sup>39</sup> Sebelum kemerdekaan Singapura.

kelompok yang dianggap tertekan ialah kelompok (kaum Cina) aliran Inggeris. Manakala kelompok aliran Cina pula dengan konsisten mendesak untuk bahasa Mandarin dominan di Singapura dan mengekalkan penggunaan Bahasa Mandarin hingga ke peringkat tertinggi pengajian.

*Political consideration have made it difficult to reach the optimal balance between English and Mandarin. Often it was two steps forwards and one step backwards. I had to intervene to resolve these contradictions between the Chinese speaking and English speaking parent. We solved this contradiction by the modular method to cater to different language capabilities of students with different home language (Lee Kuan Yew, 2012)*

Pengalaman-pengalaman ini telah memberikan dimensi baru kepada LKY untuk menentu dan menguruskan dasar dwibahasa di Singapura dengan lebih konsisten lagi terutamanya selepas tahun 1965.

### **LEE KUAN YEW DAN PENGALAMAN AWAL KE ARAH DWIBAHASA: KRONOLOGI ERA 1923 – 1959**

Pengurusan dasar dwibahasa LKY pastinya bertitik tolak dari latar sejarah. Bahasa pertama LKY ialah bahasa Inggeris.<sup>40</sup>

*When I was six, our family lived in Telok Kurau in a large three generation house belonging to my maternal grandfather. He was a Peranakan Hokkien who spoke English and Malay but not Chinese. He owned a rubber estate in Chai Chee as well as a row of houses near what is now the Thai embassy on Orchard Road. My maternal grandmother was a Hakka from Pontianak in Borneo. She spoke Hakka and Javanese Malay. The two language that stuck in my mind from those years are English and Javanese Malay (Lee Kuan Yew, 2012)*

Kepentingan bahasa Inggeris benar-benar dirasai oleh LKY apabila beliau perlu membuat pilihan dalam pendidikan menentukan kerjayanya. Beliau bercita-cita menjadi seorang peguam dan ketika itu pendidikan ke arah kerjayanya hanya berada di England. Akibat peperangan di Eropah (1940-1941) maka beliau tidak boleh terus ke Cambridge atau Oxford lalu menerima biasiswa untuk ke Raffles College di Singapura terlebih dahulu sebagai persediaan. Di Raffles College beliau banyak menimba pengalaman akademik mahupun silang budaya. Percampuran beliau dengan pelbagai kaum sama ada dari bandar mahupun pedalaman<sup>41</sup> sedikit sebanyak telah mempengaruhi keputusan dan tanggapannya terhadap sesuatu perkara. Beliau hanya ke England setelah Jepun menyerah kalah pada September 1945.

---

<sup>40</sup> Sila baca lebih lanjut 2 Jilid memoir Lee Kuan Yew,

(a) Lee. K.Y. (1998). *The Singapore Story*. Singapore: Times Editions Pte Ltd.

(b) Lee. K. Y. (2000). *From Third World To First - The Singapore Story : 1965-2000*. Singapore: Marshall Cavendish.

<sup>41</sup> Pedalaman bermakna dari Persekutuan Tanah Melayu.

*In May 1949, I graduated with First Class Honours as well as a star for distinction. On 21 Jun 1950, I was called to the Bar in London and qualified to practise as a lawyer. On 1 August 1950, I returned to Singapore (Lee Kuan Yew, 2012)*

Keperluan berbahasa Inggeris dan keperluan terhadap bahasa kedua mula di rasai beliau ketika di England lagi. Ketika berkumpul bersama pelajar etnik Cina dari seluruh dunia di *China Institute, Gordon Square* beliau mendapati,

*The most pitiful were those from the West Indies. They spoke in singsong West Indian "English" and absolutely no Chinese. I felt very sad for them. I vowed that I would not be like them. That was when I began to feel a sense of loss about not knowing Chinese, and decided not to repeat this state of affairs with my own children (Lee Kuan Yew, 2012)*

Beliau mula membuat perubahan drastik dalam konteks jati diri yang antara lainya menggugurkan nama "Harry" pada namanya. Sebagai orang Cina yang pada mulanya hanya fasih berbahasa Inggeris dan Melayu, LKY menyatakan,

*I felt separated from the mass of ordinary Chinese who spoke dialect and Mandarin. Choo and I decided we should not let our children end up the same way, Chinese by ethnicity yet alienated from their Chinese heritage. So we vowed very early on to send them to Chinese-medium school. We wanted them to have the self-confidence and self-respect knowing their Chinese roots (Lee Kuan Yew, 2012).*

Keputusan-keputusan beliau yang terkait dengan jati diri tidak menyebabkan beliau menjadi perkauman Cina atau pelampau. Beliau kekal realistik dan melihat bahasa Inggeris sebagai bahasa pekerjaan dan jambatan penyatuan kaum di Singapura. Sebagai peguam, kepetahannya berhujah dalam bahasa Inggeris di dalam Mahkamah British mewakili individu dan pelbagai kesatuan sekerja jelas menghasilkan keputusan-keputusan positif malah mula mencorakkan politik Singapura lebih dinamik.

*Now they knew I was not just a lawyer with a fancy degree from Cambridge, but someone who could represent their core interest. Many trade unions soon approached me to be their legal adviser (Lee Kuan Yew, 2012)*

Apabila beliau mula aktif dalam politik (*People Action Party – PAP*) dan mula terlibat di dalam pilihanraya tahun 1955, bahasa Inggerisnya tidaklah begitu berguna. Dalam erti kata yang lain, beliau lebih memerlukan kefasihan berbahasa Mandarin dan dialek Hokkien bagi menarik simpati pengundinya di Tanjong Pagar. Situasi ini telah memberikan kelebihan kepada lawannya (Lam Tian) dari Parti Demokratik yang sememangnya intelektual berpendidikan Cina. Ini telah memberikan satu tamparan hebat kepada LKY malah lawannya menggunakan isu ini sebagai isu politik. Namun begitu LKY tidak mudah mengalah.

*I made my first ever Mandarin speech during the 1955 election, in front of 20,000 people in a Cantonese-speaking area in Tanjong Pagar. I asked a friendly Sin Pao reporter Jek Yeun Thong, later to be my Political Secretary and a Minister in my government, to write me a three minute speech in Chinese. He wrote each character in large size and I put in my own improvised pinyin. He spent several hours coaching me in my delivery. I made a tremendous effort, it was the most taxing speech I ever made in my life. The crowd cheered me for the effort. I was barely understood, but they were with me (Lee Kuan Yew, 2012)*

Sejak daripada itu beliau tekun mempelajari bahasa Mandarin. Bertitik tolak daripada ini, kemahiran bahasa Mandarinnnya bukan sahaja lagi bertujuan untuk mengambil hati pengundi malah banyak membantu menyelesaikan masalah politik utama Singapura khususnya dalam hal komunis dan ideologinya.<sup>42</sup> Bertitik tolak daripada ini maka LKY bersama PAP terus berjuang dan bersaing dengan parti politik lainnya dalam terus membangunkan Singapura yang masih lagi di bawah pemerintahan British. Namun dilema terus wujud khususnya antara pelajar aliran Inggeris lawan pelajar aliran China. Paling membimbangkan ialah pelajar aliran Cina umumnya terdiri daripada masyarakat miskin dan menghadapi kesamaran masa depan dan hala tuju selepas graduan kecuali jika diambil bekerja oleh usahawan-usahawan Cina dan sesetengahnya menjadi guru di sekolah-sekolah beraliran Cina. Lebih membimbangkan sekolah aliran Cina merupakan sarang paling sesuai untuk gerakan dan ideologi komunis yang berasaskan Revolusi Komunis di Tanah Besar China.

*The Malayan Communist Party had been driven underground in Singapore and Malaya after Emergency was declared in 1948, but it remained as active as ever in the form of front organisations that had sprung up. A number of these were active amongst Chinese middle school students, inciting them to support striking workers and to rise against the British (Lee Kuan Yew, 2012)*

## **USAHA-USAHA KE ARAH PELAKSANAAN DWIBAHASA YANG SERIUS DI PERINGKAT SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH: KRONOLOGI ERA 1959 - 1987**

Bermulanya tahun 1959 maka era pelaksanaan dwibahasa yang lebih kritikal dan serius mula dirancang dan dilaksanakan di Singapura. Pada 8 Disember 1959 LKY telah mengadakan berjumpaan bersama 10,000 orang guru dan guru besar sekolah dan menyatakan,

*I told them of the 320,000 students in their charge: 51% in English-medium school, 43.5% in Chinese, 5% in Malay and 0.5% in Tamil. If we do nothing about it, we shall produce citizens*

---

<sup>42</sup> Dengan sekurang-kurangnya memahami bahasa Mandarin membolehkan beliau memahami bagaimana komunis serta ideologinya berfikir dalam mempengaruhi masyarakat khususnya kaum Cina. Malah LKY banyak belajar bahasa Mandarin dengan menjadikan risalah-risalah dan propaganda komunis sebagai bahan bacaan utamanya.

*who can only communicate with those in their own language stream. And even 20 years from now, we shall still have a people divided by the barriers of language into four groups. Hence the tremendous urgency of getting our student to be bilingual, even trilingual (Lee Kuan Yew, 2012)*

Singapura menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.<sup>43</sup> Antara sebab terpenting ialah bagi menyediakan Singapura sebahagian daripada Persekutuan Malaysia. Komitmen ini ditunjukkan oleh LKY sendiri apabila beliau menduduki peperiksaan terbuka di dalam bahasa Melayu pada Mac 1961 dan lulus. Ketiga-tiga anaknya juga diberikan kelas tambahan di rumah untuk mempelajari bahasa Melayu. Malah anaknya yang sulung, Lee Hsien Loong<sup>44</sup> memasuki persatuan pengakap dan bergaul baik dengan ramai kanak-kanak Melayu. Namun begitu LKY melihat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan harus dibezakan dengan keperluan bahasa Inggeris sebagai "bahasa pekerjaan." Ia juga harus dibezakan dengan kebebasan untuk bahasa Mandarin dan bahasa Tamil diiktiraf dan dipertuturkan oleh penuturnya.

*...making Malay Singapore's national language did not mean that other languages could not be spoken. When I spoke to my children in Mandarin, it did not mean I was being disloyal to Malaysia (Lee Kuan Yew, 2012)*

*There would be bloodshed and violence if we made all schools teach only in Malay. I had to get everyone to understand this: while all should learn the national language, other races should have the freedom to study and use their own language (Lee Kuan Yew, 2012)*

Idea asal pendidikan di Singapura ialah konsep "sama rata" yang memberikan peluang seluruh warganya mendapat pendidikan tidak kira dalam apa juga aliran yang dipilih. Sama rata yang diertikan oleh LKY bukan sahaja semua warga berhak mendapat pendidikan tetapi semua aliran juga diberikan peluang, ruang dan bantuan kewangan yang sama. Warga diberikan pilihan untuk memasuki aliran yang mereka senangi. Malah sijil yang dikeluarkan oleh sekolah aliran Cina (GCE "A" Local) adalah setara dengan sijil yang dikeluarkan oleh sekolah aliran Inggeris (GCE "A" Cambridge). Dari tahun 1959 hinggalah 1965<sup>45</sup> kerajaan Singapura telah pun membelanjakan sebanyak \$654 million dengan 72 buah sekolah melibatkan 1,700 buah kelas dan 125,000 penempatan.

*We could not force anyone to switch to English or to Malay. However, what we could do was to make sure that there was no discrimination between rich and poor. A trishaw rider's child and a billionaire's child had the same opportunities to enter school. Whoever performed better would have better chances of being promoted to the next level. Only in this way would the system be equitable (Lee Kuan Yew, 2012)*

<sup>43</sup> Sehingga kini bahasa Melayu kekal sebagai bahasa kebangsaan atas sebab sejarah dan simbolik.

<sup>44</sup> Kini merupakan Perdana Menteri Singapura dari 2004 hingga kini.

<sup>45</sup> Ketika ini belum di dalam Persekutuan Malaysia.

Konsep peluang sama rata dalam menerima pendidikan pelbagai aliran dan galakan pembelajaran serta bantuan kewangan pelajar miskin dilihat merupakan serampang 2 mata yang berkesan untuk kerajaan yang dipimpin PAP terus menjadi pilihan rakyat. Ini terkait dengan keperluan politik (1959-1965) di mana LKY dan PAP terpaksa bersaing dengan parti lain yang cenderung bermain dengan chauvinisme bangsa dalam meraih simpati dan undi. "Serampang 2 mata" ini memupuk rasa "selesa" pelbagai aliran pendidikan terhadap kerajaan. Seterusnya ia membolehkan LKY melakukan strategi penyatuan kepelbagaian aliran bahasa (language streams) di masa akan datang.

LKY menyatukan kepelbagaian aliran bahasa dengan menyeragamkan kurikulum dan silibus di semua aliran sekolah terlebih dahulu. Seperti sedia maklum, sebelum ini kurikulum setiap aliran sekolah adalah berbeza-beza mengikut aliran. Aliran Cina cenderung berorientasikan pendidikan di Tanah Besar China, aliran Tamil cenderung berorientasikan pendidikan di India dan aliran Inggeris cenderung berorientasikan British.

*From 1961, all Singapore schools would use Malayanised textbooks, written with a Malayan perspective. Our position was that since all four language streams would be given equal treatment under the PAP, the people of Singapore must in turn be oriented towards Singapore, not England, Indonesia or India. Hence textbooks had to reflect Malayan realities. The medium of instruction could vary, but content had to be the same across all language streams (Lee Kuan Yew, 2012)*

Seterusnya LKY cuba memperkenalkan sekolah integrasi yang bermula pada tahun 1960. Guru dan pelajar daripada 2 atau lebih aliran cuba diintegrasikan di bawah satu pengetua dan pentadbiran.

*In the morning the classes could be in English, while in the afternoon, they could be in Chinese, Malay or Tamil, depending on which school came together. Students from the two streams came together during assembly time, canteen breaks, physical education classes and extracurricular activities (Lee Kuan Yew, 2012)*

Namun demikian sekolah integrasi tidak mencapai matlamat yang diharapkan walaupun pelbagai promosi dan usaha di adakan. Malah tidak wujud integrasi yang sebenar. Dalam masa yang sama sekolah aliran Inggeris terus menunjukkan keupayan lebih baik. Malah semakin ramai ibu bapa yang menghantar anaknya ke sekolah Inggeris dari semasa ke semasa.<sup>46</sup> Ini kesan daripada promosi berterusan berkaitan kepentingan bahasa Inggeris.

---

<sup>46</sup> Hingalah pada akhir 1978 sebanyak 30 buah sekolah aliran Cina ditutup dan digantikan dengan sekolah aliran Inggeris.



Pada 9 Ogos 1965, Singapura dikeluarkan dari Malaysia.<sup>47</sup> Ini membolehkan LKY sekali lagi menyemak dan menilai dasar bahasa di Singapura mengikut acuannya sendiri. Ini perlu kerana beliau menyatakan,

*We had 75% of the population Chinese, speaking a range of different dialect; 14% Malays; and 8% Indians. But making Chinese the official language of Singapore was out of the questions; 25% of the population who were not Chinese would revolt*

*With bare 700 sq km of land, agriculture was out of the question. Trade and industry were our only hope. But attract investors here to set up their manufacturing plans, our people had to speak a language they could understand. That language had to be English (Lee Kuan Yew, 2012)*

Era selepas kemerdekaan Singapura melihatkan kekangan dan tentangan yang konsisten daripada Dewan Perniagaan Cina dalam mempertahankan kesinambungan sekolah aliran Cina.<sup>48</sup> Mereka menghujahkan bahawa lebih 80 peratus populasi di Singapura menggunakan bahasa Cina dan sepatutnya bahasa Cina menjadi bahasa yang terutama di kalangan 4 bahasa lainnya.<sup>49</sup> Perjuangan Dewan Perniagaan Cina didokong kuat oleh akhbar berbahasa Cina ketika itu khususnya *Nanyang Siang Pau* yang berterusan mempromosi kepentingan bahasa dan budaya orang Cina. LKY memberi balas dalam hal ini dengan menyatakan,

*I told the Chamber that if they wanted to continue pushing for the primacy of the Chinese language, they could go ahead and make that an election issue. That stopped them. I made it clear that every ethnic community in Singapore could keep what it already had. Nobody would stop them from learning their own language or using it. But if they did not learn English, they would pay a price. The price would be decided by the market (Lee Kuan Yew, 2012)*

Oleh yang demikian Kementerian Pendidikan Singapura pada tahun 1966 telah mewajibkan seluruh (tidak terkecuali) sekolah menengah pelbagai aliran mempelajari bahasa kedua. Sebelum ini ia (ketika dalam persekutuan Malaysia) hanya digalakkan sahaja selain kepada penekanan yang serius dalam bahasa Inggeris<sup>50</sup>. Pada tahun 1969, bahasa kedua sudah dimasukkan di dalam senarai mata pelajaran peperiksaan GCE O-levels. Malah pada 1973 masa pembelajaran bagi

---

<sup>47</sup> LKY seringkali menyatakan "kami seramai 2 juta orang di putuskan daripada kawasan pedalaman kami."

<sup>48</sup> Dalam memoir LKY ada mencatatkan kegembiraan kaum Cina khususnya menyambut keputusan Singapura dikeluarkan dari Malaysia dengan sambutan mercun dan bunga api. Sila baca lanjut : *The Singapore Storey : Memoirs of LKY* (1998) dan *From Third World To First - The Singapore Storey : 1965-2000* (2000).

<sup>49</sup> Bahasa Inggeris, bahasa Mandarin, bahasa Melayu dan bahasa Tamil diiktiraf sebagai 4 bahasa rasmi di Singapura.

<sup>50</sup> LKY turut menyatakan bahawa bahasa Inggeris merupakan bahasa diplomasi antarabangsa, bahasa sains dan teknologi serta perdagangan. Oleh yang demikian demi kepentingan ekonomi dan politik, bahasa Inggeris harus menjadi *working language* atau bahasa pekerjaan.

bahasa kedua di sekolah-sekolah rendah mula ditambah 2 kali ganda berbanding pengajaran bagi mata pelajaran bahasa pertama.<sup>51</sup> Walaubagaimanapun demi kepentingan bahasa Inggeris, pada tahun 1966 Singapura telah mengarahkan bahasa Inggeris di ajar pada mata pelajaran Matematik dan Sains di sekolah rendah dan ini diteruskan pada tahun 1970 untuk matapelajaran Sejarah.<sup>52</sup>

Kemudian Singapura memperkenalkan *Language Exposure Time (LET)* bertujuan mempertingkatkan jumlah masa dedahan bahasa kedua sama ada secara langsung (mengikuti dalam mata pelajaran) atau tidak langsung (melalui iklan, arahan di papan kenyataan dan sebagainya). Namun secara umumnya kerajaan masih menyerahkan kepada setiap sekolah untuk menetapkan jumlah masa pendedahan yang sesuai. Keseluruhannya adalah berjaya,

*From 1965 to 1974, the pass rate for Chinese as a second language in English primary schools jumped from 20% to 58.9 %. That for English as a second language in Chinese primary school went from 32.3% to 52.3%. In English secondary schools, the pass for Chinese as a second language soared from 10% in 1969 to 59.8% in 1973, while that for English as a second language in Chinese secondary schools rose from 32.% to 36% (Lee Kuan Yew, 2012)*

Di dalam hal pendidikan ini tidak dapat dinafikan bahawa LKY begitu mengutamakan dan memberi perhatian kepada sekolah aliran Cina.

*When the PAP took over the government in 1959, one of the first things we did was to provide financial aid to the Chinese schools. I myself had attended English-medium school, but I shared the desire of Chinese school students to preserve the best Chinese-language education. I understood the difficulties that Chinese schools students had in finding jobs, and I wanted to find ways to open doors for them (Lee Kuan Yew, 2012)*

Selain daripada itu juga atas arahan beliau, Universiti Malaya (sekarang University of Singapore) membuka kelas pra-Universiti bagi menyediakan pelajar-pelajar aliran Cina untuk memasuki universiti. LKY juga meminta *University of Singapore* mengambil lebih banyak pelajar dari aliran sekolah Cina. Untuk mengelakkan universiti-universiti ini menjadi sarang komunis maka LKY mengadakan *suitability certificate* yang dikeluarkan oleh *Internal Security Department*.<sup>53</sup> Pada tahun 1978, kerajaan Singapura membangunkan *Language Project Centre*<sup>54</sup> bertujuan untuk melatih guru-guru daripada aliran Cina bersedia untuk mengajar dalam bahasa Inggeris.

---

<sup>51</sup> Di sekolah menengah, penekanan masa belajar bahasa kedua sudah dimulakan sejak tahun 1963 lagi (10 tahun lebih awal).

<sup>52</sup> Walau bagaimanapun terdapat masalah guru berkelayakan dan sebagainya. Sila baca (LKY-MLC:SBJ) lebih lanjut.

<sup>53</sup> Sijil pengesanan ini hanya dimansuhkan selepas tahun 1978 apabila gerakan komunis dapat dihapuskan sepenuhnya.

<sup>54</sup> Kemudiannya dikenali sebagai *Language Proficiency Centre*.

Sehingga Disember 1983 hanya tinggal 260 orang pelajar mendaftar di sekolah aliran Cina. Sudah tidak ada lagi sekolah aliran Tamil dan hanya terdapat 2 buah sekolah aliran Melayu yang ditutup pada tahun 1985. Menjelang 1986 sekolah aliran Cina terakhir juga ditutup menjadikan semua sekolah pelbagai aliran di Singapura sudah tidak wujud lagi menjelang 1987.

### **USAHA-USAHA KE ARAH PELAKSANAAN DWIBAHASA YANG SERIUS DI PERINGKAT UNIVERSITI: KRONOLOGI ERA 1956 – 1980**

Bab ini khusus merujuk kepada usaha LKY dan kerajaan Singapura menangani masalah kesinambungan dan rasionaliti kewujudan Universiti Nanyang (*Nanyang University*). Universiti yang ditubuhkan pada tahun 1956 ini khusus bagi menyediakan peluang pendidikan tinggi kepada pelajar aliran Cina di Singapura<sup>55</sup> untuk mendapatkan pendidikan yang lebih tinggi dan merupakan satu-satunya universiti seumpunya di Asia Tenggara. Universiti Nanyang (Nantah)<sup>56</sup> juga diwujudkan dikatakan sebagai alternatif terbaik untuk mengelakkan pelajar aliran Cina melanjutkan pelajaran di Tanah Besar China yang dibimbangi dipengaruhi oleh ideologi dan gerakan komunis. Selain daripada itu ia juga menjadi satu-satunya alternatif komuniti Cina di Singapura dan Malaysia<sup>57</sup> untuk melanjutkan pelajaran kerana mereka tidak layak ke Universiti Malaya.

Penubuhan Nantah sebagai satu-satunya universiti yang menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar dilihat dengan rasa curiga oleh negara jiran lain iaitu Indonesia dan Thailand. Ini kerana Indonesia dan Thailand telahpun menghapuskan sistem pelbagai aliran di sekolah rendah dan menengah mereka demi asimilasi bangsa. Mereka bimbang rakyat mereka akan ke Nantah untuk melanjutkan pengajian dan ini tidak bagus untuk hasrat integrasi di negara mereka. Dalam masa yang sama, sudah ada usaha di Malaya untuk menggantikan sekolah pelbagai aliran kepada sekolah aliran Melayu sahaja.<sup>58</sup> Malah dari segi politik, Nantah dibantah keras oleh *United Malays National Organisation* (UMNO) yang menganggap Nantah sebagai satu usaha mewujudkan "little Beijing" atau "little Nanjings" di kepulauan Melayu. LKY sendiri melihat Nantah secara serius kerana dikatakan dimanipulasi oleh mereka yang pro komunis. Ini jelas apabila Nantah tidak bersetuju dengan beberapa syarat yang dikenakan oleh kerajaan PAP yang

---

<sup>55</sup> dan juga daripada Malaysia.

<sup>56</sup> Dikenali dalam masyarakat Cina sebaga Nantah. Di asaskan oleh Tan Lark Sye seorang migran dari daerah Fujian China. Menyumbang sejumlah \$5 juta dan 500 ekar tanah untuk pembinaan Universiti. Dalam hal ini LKY memuji kesungguhan beliau tetapi menyatakan bahawa Tan Lark Sye gagal untuk melihat dan memahami persekitaran geografi yang lebih besar akan rasionaliti kewujudan Nantah di Asia Tenggara.

<sup>57</sup> Malah 60% pelajarannya datang dari Malaya.

<sup>58</sup> Walau bagaimanapun ia ditentang khususnya oleh MCA.

antara lain diminta mengemukakan penyata akaun lengkap Nantah kepada pihak kerajaan.<sup>59</sup> Selain daripada itu juga LKY menyatakan,

*There were also those who insisted that Chinese should be the main language of instruction, something that PAP government could not agree to. Indeed, in 1965, when Singapore became an independent nation, we adopted as the language government and commerce. It was the only way we could make a living. This was based on pragmatic considerations (Lee Kuan Yew, 2012)*

Dalam hal ini Nantah bertegas dan sanggup bergantung kepada tabungan sendiri dan tidak menerima peruntukan kerajaan sebagaimana yang diterima oleh Universiti Malaya.<sup>60</sup> Walau bagaimanapun atas desakan semasa, Nantah terpaksa juga berubah sedikit demi sedikit. Kesedaran yang mula timbul oleh ibu bapa pelajar akan kepentingan penggunaan bahasa Inggeris telah menyebabkan lebih banyak pelajar yang belajar di sekolah rendah dan menengah aliran Inggeris dan aliran Cina menghantar anak mereka ke Universiti Malaya (kemudiannya Universiti Singapura). Ini menyebabkan bekalan pelajar peringkat tinggi untuk Nantah semakin berkurangan. Dalam keadaan-keadaan tertentu Nantah akhirnya terpaksa membuat keputusan menjalankan pengajaran dan pembelajaran dalam dalam 2 bahasa.

*Alas, it resisted becoming a bilingual university until mid - 1970s. As a result many cohorts of Nanyang University graduates struggled to find jobs because of their deficiency in the English language. Many ended up teaching Chinese, or working for a Chinese-speaking firm. Even those who became Chinese newspaper journalist had to learn English because government report, notices and parliamentary debates were all in English (Lee Kuan Yew, 2012)*

Akhirnya pada tahun 1981, graduan Nantah ke 21 menjadi graduan terakhir sebelum Nantah bergabung dengan *University of Singapore* membentuk *National University of Singapore*. Penggabungan ini mendapat maklum balas baik dari pelbagai pihak. Ini termasuklah daripada akhbat Utusan Malaysia yang menyatakan bahawa penggabungan ini “*automatically eradicates the Chinese identity.*” Penggabungan 2 buah universiti tidaklah menjadikan Singapura kekurangan jumlah universiti. Malah Nantah sedia ada digantikan dengan *Nanyang Technological Institute* dan pada tahun 1991 dinaiktaraf kepada *Nanyang Technological University*.

## **LEE KUAN YEW DAN NILAI ASIA: KE ARAH MENGANGKAT MARTABAT PENDIDIKAN ALIRAN CINA**

Umum mengenal LKY dengan gaya pengurusan “kuku besi” untuk merealisasikan apa yang beliau percaya terbaik untuk Singapura dan warganya. Dalam konteks pendidikan dan pelaksanaan dwibahasa; usaha beliau menutup semua sekolah

---

<sup>59</sup> Ini kerana seperti institusi pendidikan yang lainnya, Nantah juga layak menerima peruntukan kewangan daripada kerajaan.

<sup>60</sup> Dari awal penubuhannya Nantah ditentang keras oleh pihak British, malah Nantah ditubuhkan atas nama syarikat dan bukannya sebagai institusi pendidikan.

beraliran dilihat sesuatu yang bersifat berani dan tidak bertolak ansur. Usaha beliau untuk membangunkan warga Singapura dilihat dalam masa yang sama “membunuh” legasi dan ketamadunan masyarakat China seberang. Air mata mengalir di kalangan masyarakat India apabila sekolah Tamil ditutup di Singapura pada tahun 1982 terutama sekali di kalangan penjual-*penjual* akhbar Tamil yang penutupan sekolah itu bererti berakhirnya riwayat akhbar bahasa Tamil di Singapura (Zainudin Maidin, 2012).

Walau bagaimanapun tidak ramai yang mengaitkan LKY yang sebenarnya merupakan pejuang nilai-nilai Asia.<sup>61</sup> Menutup sekolah pelbagai aliran tidak bermakna LKY mengganggu nilai-nilai Barat dan cuba menjadikan Singapura acuan kejayaan dan pembangunan model Barat di Asia Tenggara. LKY hanya rasional mempercayai Singapura sangat *fragile* dan ia hanya boleh bertahan dengan melaksanakan sesuatu yang lebih pragmatik. Dalam hal ini LKY percaya nilai-nilai Asia yang baik merupakan rahsia kejayaan masyarakat Asia amnya dan masyarakat Singapura khususnya.

Dalam hal ini LKY mempercayai bahawa falsafah Konfucian tebal mempengaruhi cara hidup di kalangan masyarakat kaum Cina. Malah kejayaan Singapura khususnya dan negara-negara Asia lainnya amnya adalah kerana penerapan nilai-nilai Asia.<sup>62</sup> Falsafah Konfucian mengajarkan kepentingan semangat kekeluargaan, hidup bermasyarakat, ketaatan kepada pemerintah, etika kerja yang tinggi dan banyak lagi. Namun apa yang menariknya, falsafah Konfucian yang menekankan tentang kepentingan pendidikan bukan sahaja dari segi konteks keupayaan membaca, menulis dan mengira tetapi lebih daripada itu ialah sebagai satu pencapaian hasrat diri dan keluarga dalam menjaga maruah dan martabat di mata masyarakatnya.

Oleh yang demikian LKY sebenarnya melihat sekolah aliran Cina mempunyai kekuatan dalaman tersendiri khususnya dalam penyumbang utama pengekalan jati diri dan ketamadunan bangsanya.

---

<sup>61</sup> Selain LKY, Tun Mahathir juga turut dikenali secara bersama sebagai pejuang tegar nilai Asia bagi melawan kebanyakan nilai-nilai Barat yang negatif termasuk apa yang dinamakan sebagai demokrasi liberal. Presiden Suharto walaupun tidak memperkatakan tentang nilai-nilai Asia tetapi merupakan seorang pemimpin yang menggunakan nilai Jawa sebagai satu cara pengurusan diri, keluarga dan negaranya.

<sup>62</sup> Nilai Asia adalah merujuk kepada semua orang Asia tanpa mengira budaya, etnik, geografi, sejarah dan perbezaan agama tetapi berkongsi beberapa falsafah kehidupan yang sama. Asia adalah *kumpulan* yang menekankan kepada elemen spritual dan kurang materialistik berbanding Barat. Dalam hubungan sesama manusia, terdapat kecenderungan mendalam untuk menilai moral seseorang berbanding status dan kuasanya. Nilai Asia menekankan sifat tolak ansur, tidak ganas, tidak militan, tidak agresif dalam konteks hubungan sesama manusia. Orang Asia juga selalu digambarkan sebagai sangat mencintai keamanan sesama manusia dan sanggup menyelesaikan konflik secara persetujuan bersama daripada berperang atau mengambil tindakan undang-undang (Seah & Ho, 1977).

*.....I have long felt that Chinese schools possess certain intrinsic qualities that are worth preserving. I started feeling this when I encountered Chinese schools students in my youth; I became certain in my adulthood, which was I sent all my children to Chinese primary and secondary schools. When I steered the Singapore education system towards one with English as the main language of instruction, I was keenly aware that doing so would result in the loss of those qualities unless proactive steps were taken to ensure their survival (Lee Kuan Yew, 2012)*

Dalam hal ini LKY bukanlah pemusnah legasi bangsanya sendiri. Setiap tindakannya disusuli dengan tindakan pencegahan atau zon penampungan yang sesuai. Walaupun penutupan Nantah (Universiti Nanyang) dianggap “dosa besar” kepada komunitinya namun beliau melahirkan satu usaha ganti kesinambungan yang lebih berkesan yang tidak menyakiti hati kaum-kaum yang lain mahupun jiran-jiran Singapura. Untuk itu beliau telah mewujudkan satu rancangan khas dikenali sebagai *Special Assistance Plan School (SAP)* demi mengekalkan legasi terbaik sekolah aliran Cina. SAP merupakan satu usaha yang dilakukan bermula tahun 1979 dengan memilih sekolah-sekolah tertentu yang pelajarannya berpotensi untuk digilap secara efektif mampu cemerlang dengan dwibahasa dan dalam masa yang sama dapat menyemai nilai-nilai tradisi persekitaran sekolah aliran Cina.

*The selected schools previously Chinese-medium schools struggling for survival as English-medium education had become popular choice of families. We built on the history and culture of these Chinese schools to create good English-stream schools with a high standard of Chinese (Lee Kuan Yew, 2012)*

Malah sekolah SAP berjaya “meletakkan” dengan kukuh penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar Cina (*“putting the English” into Chinese schools*). Sekolah SAP pada mulanya kurang mendapat sambutan daripada ibu bapa yang berpendidikan Inggeris. Mereka agak skeptikal dan memberikan pelbagai alasan seperti jangka masa pengajian yang lama, tidak tahan tekanan dan sukar menjadikan bahasa Mandarin sebagai bahasa pertama. Namun demikian usaha SAP yang secara semulajadinya menghapuskan sekolah aliran Cina ini, berjaya menjadi antara sekolah menengah terbaik selain *Raffles Institution* dan *Raffles Girls’ School*. Sehingga tahun 2012 terdapat 11 buah sekolah SAP.

*The Chinese-medium schools of all imparted values like courtesy, respect for authority, discipline, awareness of one’s cultural roots and social responsibility. Students performed toilet-cleaning duties as matter of course. They learned, very early on, that discipline and hard work were important in life, unlike in the English-medium schools which tended to be more easy-going about discipline. In the latter, students could be chattering away even as teachers were trying to teach (Lee Kuan Yew, 2012)*

Elemen utama yang diterapkan di sekolah SAP ini ialah sejarah asal usul bangsa bagi memastikan generasi muda tidak mudah lupa diri. Elemen yang dianggap tidak popular disetengah sistem pendidikan ini telah menjadi teras kepada sekolah SAP

dan menyumbang kepada pembangunan patriotisme dan pembangunan bangsa Singapura. Alasan LKY dalam perkara ini ialah,

*What I said then I still hold today: every individual has a philosophy and value system that provides him with his moral compass and sense of purpose*

*So I started SAP schools in order to impart knowledge of Chinese history and philosophy in successive generations of young Chinese Singaporeans. A person who gets deculturalised – as I nearly was – loses self-confidence. For optimum performance, a man must know himself even as he knows the world. He must know where he stands within the cosmos. I may speak the English language better than I speak the Chinese language because I learned English early in life, but my values, precept and outlook are Eastern, not Western (Lee Kuan Yew, 2012)*

LKY berjaya melihat peranan dan fungsi bahasa ibunda dalam membentuk keperibadian mulia sesuatu bangsa.

*I am not saying that learning the Chinese language means you will also absorb the Chinese value system. No. But the chances are that it will help. The Western value system is premised on the primacy of the individual and his rights. The traditional Chinese ethical system, however, assumes that a person owes certain obligations to society. If its values could be taught to Singaporeans from young, our society would be stronger. SAP schools came about because of this reasoning (Lee Kuan Yew, 2012)*

Kejayaan SAP dicemburui oleh kaum-kaum yang lain terutamanya kaum Melayu dan India. Melalui kesatuan dan ahli parlimen yang diwakili mereka; meluahkan rasa tidak puas hati dengan strategi SAP yang menguntungkan kaum majoriti Cina sahaja. Namun LKY menafikannya dengan memberikan alasan bahawa situasi pada tahun 1950 an adalah terlalu berbeza dengan situasi pada 1980 an (ketika SAP dilaksanakan). SAP tidak boleh dilihat sebagai satu bentuk perkauman. Ini kerana SAP diwujudkan dalam keadaan pelajar pada masa kini sudah sedia bercampur sejak mereka di pra sekolah dan sekolah rendah. Populasi kehidupan mereka juga telah bersifat majmuk dengan penetapan-penetapan rumah pangsa yang telah ditetapkan oleh kerajaan menurut nisbah ideal. Jika kaum-kaum yang lain juga turut mahukan perkara yang sama maka kerajaan tidak ada masalah dan menyokongnya.<sup>63</sup>

*They have to fit in because we are not going to change the SAP school culture into a multiracial culture. I would support starting SAP schools for Malays and Indians to preserve*

---

<sup>63</sup> Walau bagaimanapun cabaran LKY tidak mendapat sambutan. Ini kerana sebagai kaum minoriti (Melayu, India), ibu bapa pelajar sudah lama "terpaksa" menyediakan diri dan anak-anak mereka untuk fokus ke arah pendidikan aliran Inggeris. Mereka tidak selesa untuk mengambil risiko yang tidak pasti. Jika ada pun tidak mencukupkan untuk sekolah berformat SAP dibentuk. Oleh yang demikian ibu bapa dan pelajarnya perlu mengambil inisiatif sendiri di sekolah aliran Inggeris yang mereka duduki dengan memastikan pencapaian keputusan yang baik untuk mata pelajaran bahasa ibunda masing-masing. Sila baca buku LKY-MLC:SBJ untuk pemahaman teknikal yang lebih lanjut.

*Malay and Indian culture if there was sufficient demand. Singapore will not become more valuable to the world by becoming more homogenised; its diversity is its strength (Lee Kuan Yew, 2012)*

## **ANTARA DWIBAHASA DAN DWIBUDAYA – SATU PENCAPAIAN JAUH SINGAPURA**

Idea LKY melaksanakan program SAP di sekolah-sekolah menengah di Singapura telah berjaya menyediakan satu generasi yang mampu menyambung kesinambungan kegemilangan Singapura era globalisasi. Program ini mampu menutup mulut ramai "musuh-musuh" politik di kalangan kaumnya sendiri. Program ini melahirkan generasi Singapura yang jelas maknanya menjadi rakyat Singapura sebelum mereka ke alam pekerjaan ataupun melayakkan mereka ke universiti sama ada di dalam mahupun di luar negara.

Dalam konteks ini; akhirnya pandangan jauh LKY bukan sahaja untuk kepentingan dwibahasa tetapi sebenarnya lebih kepada dwibudaya. Masyarakat yang memahami dwibudaya jauh lebih baik kedudukannya berbanding hanya mengetahui dwibahasa. Dalam perspektif modal insan, mungkin inilah rahsia sebenar Singapura mampu bertahan hingga kini. Ini kerana mereka yang dwibahasa mungkin memahami lebih satu bahasa tetapi belum tentu dapat menjiwai budaya sesuatu penutur bahasa tersebut. Menjiwai sesuatu budaya akan menghasilkan impak yang lebih berkesan dan mendalam.

*Since 2004 I have been reflecting on how our education system can develop the talent needed to stay relevant to and leverage on the increasingly powerful Chinese economy. Singapore needs a core group of professionals with deep understanding of contemporary China. This means groups of key players who are not only bilingual, but bicultural in the sense of having a deep understanding of the Chinese mind and Chinese social culture. Bilingualism gets us through the front door, but it is only through biculturalism that we can reach deep insight into China and work with the Chinese (Lee Kuan Yew, 2012)*

Matlamat akhir dasar pendidikan dwibahasa di Singapura dilihat ialah dengan pembentukan masyarakat Singapura yang dwibudaya. Dengan kata lain mahu menjadikan masyarakat Singapura yang progresif dan dinamik tetapi tidak langsung melupakan akar umbi nilai budaya asalnya. Ini sekali gus meletakkan masyarakat Singapura berada di mana-mana sahaja di dunia ini. Untuk itu suatu program khas yang lebih khusus (*flagship programs for SAP schools*) disediakan kepada sekolah SAP. Program tersebut dikenali sebagai *Bicultural Studies Programme (BSP)*.

*The programme's aim was to groom the best of the nation's bilingual students. Through a more intensive Chinese curriculum and longer immersion stints in China, they would go beyond a functional command of the Chinese language to have strong understanding of China's history, culture and contemporary development. The BSP started in 2005 in three SAP schools that already had strong links with China – Dunman High, Chinese High and*



*Nanyang..... In 2007, it was extended to a fourth school, River Valley High. If there is demand for it, we can start a similar scheme for student who study Malay or Tamil (Lee Kuan Yew, 2012)*

Selepas 30 tahun, dasar pendidikan dwibahasa di Singapura dilihat paling berjaya antara negara Asia Tenggara lainnya. LKY menyatakan tahap pembangunan seterusnya sekolah SAP hendaklah ditentukan sendiri oleh pemimpin generasi muda.

### **PENDIDIKAN DWIBAHASA - DARI SEKOLAH, UNIVERSITI AKHIRNYA KE MASYARAKAT**

Matlamat akhir pendidikan dwibahasa di Singapura ialah kepada rakyatnya. Oleh yang demikian usaha LKY bukan sahaja kepada generasi muda pelajarinya tetapi juga kepada masyarakat sedia ada. Usaha dilakukan meliputi seluruh masyarakat dari seluruh sudut bagi memastikan bahawa dasar dwibahasa ini berjaya seterusnya menjadi penentu kesinambungan survival Singapura masa akan datang. Oleh yang demikian LKY menolak bahasa dialek untuk di pertuturkan. Singapura mengiktiraf hanya bahasa Mandarin sebagai bahasa rasmi dan kempen secara besar-besaran dilakukan untuk itu.<sup>64</sup>

*Indeed, why not let Mandarin become the common language of all Chinese Singaporeans, including this group (Hokkien)? If I could get them to know Mandarin, they would be able to communicate with some 80% of Singaporeans. Dialect were not only interfering with bilingual education, they were also dividing the Chinese community as those who spoke the same dialect tended to band together (Lee Kuan Yew, 2012)*

Di dalam hal ini LKY berpendapat bahawa rakyat Singapura hanya perlu fokus kepada 2 bahasa. Mereka yang mampu belajar lebih daripada 2 bahasa (termasuk dialek) dianggap sebagai kumpulan terpencil. Ia sukar dilakukan oleh masyarakat secara umumnya. LKY berpendapat untuk mempelajari dwibahasa pun tidak semua negara mampu dan sebahagian besarnya gagal. Dalam hal ini LKY mengambil banyak iktibar di banyak negara yang beliau lawati seperti Jamaica, Kanada, Mauritius dan Hong Kong. Sehubungan itu LKY menekankan bahasa Mandarin di kalangan warga Singapura.

*Mandarin is now the dominant language used by 1.3 billion people. It is rich, vibrant language with structure and history, and most importantly, a future. It is on of the five official languages used it the United Nations and the only Asian language (Lee Kuan Yew, 2012)*

Sekali lagi (seperti ketika memperkenalkan bahasa Inggeris), LKY terpaksa berhadapan dengan gerakan-gerakan yang menentang "idea gila" nya termasuklah dalam kabinetnya sendiri. Membuat keputusan untuk memilih bahasa Mandarin

---

<sup>64</sup> LKY boleh saja mengiktiraf dialek Hokkien bagi mewakili etnik Hakka nya.

(*northern Chinese*) dan menghapuskan bahasa dialek pelbagai (*southern Chinese*) yang selama ini dituturkan oleh kaum Cina di Asia Tenggara tidak ubah seperti menghapuskan akar budi bangsa sendiri.

*The stronger resistance came initially from the Chinese clan associations. Some of the older leaders argued that their associations were dialect-based. If their members could not speak in their own dialect, there was no purpose for the clans to exist. Such outdated thinking had to change (Lee Kuan Yew, 2012)*

Namun demikian LKY dengan gaya “kuku besi” nya terus yakin dengan apa yang dilakukannya. Kempen berbahasa Mandarin telah dilakukan pada 7 September 1979 di *Singapore Conference Hall* yang antara lain bermatlamat; pelajar sekolah dan graduan mampu berbahasa Mandarin dengan baik 5 tahun kemudiannya dan memastikan bahasa Inggeris, Mandarin dan Melayu dituturkan secara majmuk di kedai-kedai kopi, gerai makanan, pawagam dan di tempat-tempat awam.<sup>65</sup>

*As an immediate measure, I decided that all government department, hospital and clinics should require their frontliner counter staff to speak Mandarin*

*Beyond the public sector, we also required all ethnic Chinese taxi drivers to pass an oral Mandarin test before their licence could be renewed (Lee Kuan Yew, 2012)*

## **IKTIBAR DARIPADA DASAR PENDIDIKAN DWIBAHASA LEGASI LEE KUAN YEW**

### **(a) Alat Terpenting Penyatuan Negara Berbilang Kaum**

Dalam hal ini Pakir (1994) menjelaskan, konsep kedwibahasaan di Singapura didapati unik. Dalam dasar pendidikan Singapura, kedwibahasaan ditakrifkan sebagai bukan mahir menguasai 2 bahasa tetapi menguasai bahasa Inggeris dan salah satu daripada bahasa rasmi (Melayu, Mandarin atau Tamil). Oleh itu, menguasai bahasa Inggeris dan Hokkien contohnya, belum lagi dianggap sebagai menguasai dwibahasa kerana Hokkien hanya bertaraf dialek. Justeru itu di sekolah, pembelajaran bahasa ibunda dan bahasa Inggeris diwajibkan bagi semua murid tidak kira daripada golongan etnik apa pun asal usul mereka (Kamsiah Abdullah 1994). Dalam erti kata yang lain, LKY berjaya menjadikan satu bahasa (Bahasa Inggeris) sebagai penyatu kepada

---

<sup>65</sup> Tindakan LKY konsisten dengan usaha penghapusan dialek. Antara langkah awal beliau ialah dengan mengalih suara (*dubbing*) semua rancangan popular dari Hong Kong (Kantonis) kepada bahasa Mandarin sebelum di siarkan oleh *Singapore Broadcasting Corporation*. Malah dalam sesetengah keadaan, penterjemah sari kata dialek kehilangan pekerjaan gara-gara keputusan kerajaan ini. LKY jelas melihat pengaruh media massa khususnya televisyen dan radio pada masa itu sebagai agen perubahan paling dominan dan drastik.

masyarakatnya. Pelaksanaan dwibahasa yang diamalkan di Singapura adalah hanya bagi tujuan jati diri kesempurnaan dan perniagaan,

*English will be our working language, and you keep your mother tongue. It may not be as good as your English but if you need to do business with China or India or Malaysia or Indonesia you can ramp it up* (Han Fook Kwang & Rakan, 2011)

### **(b) Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Berkecuali**

LKY di awal kemerdekaan Singapura telah melihat ancaman perkauman Cina dari sekolah-sekolah aliran Cina kepada perkembangan keharmonian kaum dan kestabilan. Cabaran besar yang dihadapi beliau ialah dari generasi muda yang berpendidikan Cina dan dibudayakan oleh bahasa Cina.

*My reasons were quite simple. First, internal stability. Everybody on an equal basis: we all have to learn English, a foreign language. Nobody gets an advantage. Second it's the language of the international commerce. Chinese? What was Chinese products, medicine, herbs were piffling. Then English blossomed and America spread it on TV and now Internet around the world. We have become an education centre. The rest of Asean wants to learn English. That's an advantage for us. What motivated me? **Internal stability and peace.** We treat everybody equally. We judge you on your merits. **This is a level playing field.** We do not discriminate our people on race, language, religion. If you can perform, you get the job* (Han Fook Kwang & Rakan, 2011)

Memilih satu bahasa berkecuali iaitu bahasa Inggeris adalah cara Singapura untuk berlaku adil kepada masyarakat majmuknya. Untuk menghormati sejarahnya pula maka bahasa Melayu dijadikan bahasa nasional dan 4 bahasa utama (bahasa Inggeris, bahasa Melayu, bahasa Mandarin dan bahasa Tamil) menjadi bahasa rasmi bersama dengan bahasa Inggeris menjadi bahasa keutamaan dalam bidang pekerjaan dan pentadbiran. LKY juga menyatakan bahawa pentingnya rakyat Singapura mengetahui bahasa kedua kerana Singapura tidak membina bangsa baru tetapi membina perlambangan sedia ada dengan identiti asal masing-masing kerana tanpa perlambangan tersebut masyarakat Singapura akan menjadi sukar. Menurut LKY, masyarakat Singapura harus mencari sikap dan gaya sendiri. LKY berhujah "*adakah orang Cina di negara China sama seperti kita? Adakah orang India di India sama dengan kita malah adakah orang Melayu di Malaysia sama seperti kita? Tidak!!!*".

### **(c) Dasar Pendidikan Dwibahasa Harus Memiliki Nilai-Nilai Asia**

"Bahasa menerap nilai." Itu merupakan kepercayaan LKY melalui pengalaman jauhnya dalam melaksanakan dasar pendidikan dwibahasa di Singapura. Beliau bersungguh-sungguh menerapkan nilai-nilai murni yang wujud di sekolah aliran Cina dan menggalakkan penguasaan bahasa

Mandarin di kalangan rakyatnya. Negara-negara di Asia Tenggara cukup terkenal dengan akal budi leluhur yang tinggi sebagai contoh nilai Melayu-Islam (Malaysia dan Brunei), nilai Konfucianisme (Singapura) dan nilai Jawa (Indonesia). Tidak keterlaluan menganggap penguasaan bahasa Inggeris di kalangan remaja khususnya dengan mengabaikan langsung bahasa ibunda membuka "potensi" penerimaan nilai-nilai Barat negatif seperti demokrasi liberal, hak asasi; Lesbian Gay Bisexual Transeksual (LGBT), kreativiti melampau, individualisme dan sebagainya. Mereka tidak boleh disalahkan sepenuhnya kerana mereka gagal untuk mengetahui identiti mereka yang sebenarnya.

**(d) Dwibahasa Perlu Bermula Di Usia Muda**

Adalah lebih mudah untuk melaksanakan dasar dwibahasa ketika pelajar masih muda atau terlalu muda. Ia berdasarkan pengalaman beliau sendiri yang terpaksa mempelajari Mandarin dan Hokkien ketika dewasa berbanding anak-anaknya yang telah menerima dwibahasa secara formal di sekolah.

**(e) Mahir Lawan Menguasai**

Setelah mengalami pelbagai pengalaman dan pelbagai semakan semula terhadap dasar pendidikan dwibahasanya, LKY mengakui bahawa secara umumnya seseorang hanya mampu mahir dalam satu-satu bahasa sahaja.

*My mistake was not realise this earlier. I demanded that our students master their second language to a level as high as that of their first language, and when students had problems coping, I put it down to poor teaching. Only years later did I understand that human brain is wired such that most people can master only one language and failure to master another is not a sign of a deficient intelligence (Lee Kuan Yew, 2012)*

Kegagalan memahami situasi ini menyebabkan kewujudan dasar dwibahasa yang kurang efektif serta meletakkan sesuatu kepentingan ditempat yang salah. Ia memberi kesan kepada potensi dan perkembangan pelajar. Dalam kata lain usaha yang boleh dilakukan ialah "*pelajar perlu mahir bahasa pertama dan cuba menguasai bahasa keduanya.*"

**(f) Dwibahasa Perlu Pelantar Kukuh**

Bertitik tolak daripada analogi bahawa seseorang itu hanya mampu mahir dalam satu bahasa dalam satu-satu masa maka tidaklah praktikal untuk mengharapkan seseorang itu juga mahir bahasa keduanya secara komprehensif. Namun demi kepentingan pelaksanaan pendidikan dwibahasa maka satu pelantar kukuh ketika pelajar masih muda harus wujud.

*Schools should ensure that they know the rudimentary grammar and have a vocabulary sufficient for basic daily living. They can pick up more of the language according to their needs when they older. Like learning to ride a bicycle, the fundamentals of the language that they learn when young will remain with them for life, ready to be built upon as necessary (Lee Kuan Yew, 2012)*

**(g) Berbeza Pendekatan Untuk Sasaran Yang Berlainan**

Matlamat akhir pendidikan dwibahasa ialah untuk memastikan setiap warga mampu bertutur 2 bahasa atau lebih tidak kira sama mereka golongan profesional, separuh profesional mahupun pekerja bawahan. Dwibahasa bukan hak eksklusif orang bijak pandai ataupun orang bijak pandai dilihat dengan keupayaan dwibahasanya. Pendekatan dan kurikulum yang berbeza untuk kelompok sasaran yang berbeza perlu wujud demi mencapai matlamat ini. Pemilikan dwibahasa dikalangan golongan profesional sahaja dan pemilikan monolingistik yang cenderung kepada golongan bawahan sahaja mewujudkan jurang sosial dan ekonomi diantara rakyat.

**(h) Bagaikan "Menarik Rambut Di Dalam Tepung; Rambut Tak Putus, Tepung Tak Berselerak"**

Mengurus sesuatu yang perlu "dipaksakan" kepada rakyat serta melibatkan kemahiran berfikir dan menaakul bukanlah sesuatu yang mudah.

*No policy in Singapore has undergone so many adjustment and reviews as our policy on teaching of mother tongue language, and in particular the Chinese language (Lee Kuan Yew, 2012)*

Sehubungan itu, kerajaan perlu menimbangkan antara keperluan negara dan kepentingan komuniti. Dalam sesetengah keadaan, komuniti kehilangan sesuatu yang bersifat identiti dan budaya yang menentukan akal budi. Sesuatu pembangunan yang diharapkan melalui proses pemodenan mendatangkan senario "pembaratan" bersekali kepada masyarakat. Pemimpin dan kepimpinan yang bestari memerlukan rasional yang tinggi untuk mendepani masalah ini.

**(i) Dasar Pendidikan Dwibahasa Hendaklah Menyeluruh**

Walaupun pendidikan dwibahasa yang formal dimulakan kepada para pelajar sekolah dan universiti tetapi usaha ini juga perlu dilakukan kepada orang awam meliputi seluruh warga negara. Ini menjamin satu usaha yang komprehensif, saling bantu membantu dan mewujudkan suasana kondusif. Keterlibatan komuniti meliputi ibu bapa, guru, pemimpin masyarakat dan organisasi serta pihak kerajaan. Dalam masa yang sama elemen saling "keterpaksaan" boleh dikongsi bersama antara pelajar, ibu bapa, guru, pemimpin organisasi dan pihak kerajaan.

**(j) Kesegeraan Polisi Dan Pelaksanaan Yang Terburu-Buru Menghasilkan Kesan Limpahan Bersifat Negatif**

Usaha dan langkah yang terlalu banyak dan segera dalam satu-satu masa mempunyai kelemahannya yang tersediri. Sebagai contoh di Singapura (1965-1975) berjaya memberikan (i) pendidikan sama rata; (ii) menyumbangkan sebahagian besar perbelanjaan kepada prasarana dan fasaliti; (iii) memberikan kebebasan memilih aliran; (iv) penekanan bahasa

Inggeris sebagai bahasa utama dan (v) mewajibkan setiap pelajar menguasai bahasa kedua namun Singapura menghadapi masalah keciciran dan kegagalan akademi pelajar yang tinggi.

Begitu juga dengan pelajar yang terlibat dengan isu disiplin. LKY mengakui hakikat ini yang antara lain disebabkan oleh pengrekrutan guru-guru dalam jumlah yang besar dan kurang terlatih untuk memenuhi sekolah-sekolah yang dibina. Selain daripada itu juga, apabila semua kanak-kanak diwajibkan mendapat pendidikan maka isu kompeten dalam menghadapi pelajaran juga timbul.

*Many left school feeling inadequate and bitter, feelings which later led to juvenile delinquency. Of those remaining, about 440 would make it to secondary four 10 years later. Amongst them only 106 would obtain an O-level pass in three or more subjects. This meant that of the original 1,000 student, only 10.6% could successfully make it through their primary and secondary education (Lee Kuan Yew, 2012)*

#### (k) **Satu Usaha Berterusan**

Dasar dwibahasa merupakan satu usaha berterusan. Perlu sentiasa disemak, semakan semula, kepelbagaian laporan dan perubahan merupakan satu yang biasa. Malah dalam pengalaman di Singapura perubahan sentiasa berlaku kerana tuntutan dinamika perubahan dunia. Dalam masa yang sama sensitiviti kaum perlu diambil kira kerana bahasa seharusnya menjadi alat perpaduan dan jambatan yang menghubungkan antara mereka yang mempunyai pelbagai nilai. Kepelbagaian ini pula harus menjadi kekuatan dalam sebuah negara bermasyarakat majmuk.

### **PPSMI DAN MBMMBI DI MALAYSIA: SEPINTAS LALU<sup>66</sup>**

Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) merupakan satu titik di dalam Sejarah Pendidikan Malaysia yang menyaksikan pertembungan cara berfikir di pihak kerajaan dan juga para pejuang nasionalisme bahasa. Banyak kajian yang dilakukan dan dibentangkan oleh para cendekiawan, para akademik dan sejarawan mengenai dasar PPSMI.

PPSMI tidak dapat disamakan dengan konsep dwibahasa. PPSMI merujuk kepada penggunaan bahasa Inggeris di dalam pengajaran mata pelajaran sains dan matematik sahaja. Ia bolehlah dianggap sebagai satu proses ke arah pelaksanaan dwibahasa. Di sinilah timbulnya isu penting. Konsep kedwibahasaan di dalam sistem

---

<sup>66</sup> Penulis mohon maaf kerana tidak mampu menulis selengkapnya bahagian ini oleh sebab kekangan ruang, masa dan responden. Perbezaan selari antara Singapura dan Malaysia tidak dapat dilakukan sebaiknya. Setiap petikan adalah seperti tercatat dalam bibliografi oleh Abdullah Hassan (1999 & 2009). Penulis berazam untuk menulis lebih lanjut lagi khusus untuk bahagian ini di RECCNI 2013 jika diberi peluang.

pendidikan kebangsaan dikatakan masih belum cukup matang dan mantap ketika PPSMI diperkenalkan.<sup>67</sup> Murid-murid di sekolah rendah tidak menguasai bahasa Inggeris. Ditambah dengan bentuk geografi Malaysia yang menghalang akses pendidikan yang sempurna kepada semua anak-anak yang duduk di pedalaman.

Dasar PPSMI ini merupakan satu hasrat kerajaan yang murni mahu melahirkan rakyat Malaysia yang berpengetahuan tinggi dengan menguasai ilmu-ilmu sains dan teknologi menjelang tahun 2020. Untuk itu pada pandangan kerajaan, perlulah ilmu-ilmu tersebut dipelajari dalam bahasanya yang asal iaitu Bahasa Inggeris agar penguasaan ilmu dapat dilakukan secara maksimum di peringkat kanak-kanak lagi. Ditambah lagi dengan kelambatan bahasa Melayu pada pandangan mereka dalam menghasilkan kosa kata-kosa kata yang baru bagi ilmu-ilmu teknologi ini.

Hasrat yang murni ini tidak dapat berjalan dengan sebaiknya kerana pada pandangan nasionalisme bahasa, pihak kerajaan telah melanggar peruntukan 152 Perlembagaan Persekutuan iaitu kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan. Kajian-kajian yang telah dibuat juga menunjukkan bahawa ilmu teknologi itu lebih mudah di hadam dan di peroleh jika diajar di dalam bahasa pertuturan kaum tersebut. Di samping tentangan keras dari pihak nasionalisme bahasa yang melihat pihak kerajaan telah membelakangkan segala usaha yang telah dilakukan selama ini dalam memartabatkan Bahasa Melayu. Disokong pula oleh dapatan-dapatan kajian yang memberi maklum balas kegagalan generasi PPSMI menguasai mata pelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris. Ini merupakan tamparan yang hebat kepada pihak kerajaan yang dilihat memiliki hasrat yang murni namun tidak sensitif dan peka dalam pelaksanaannya.

Akhirnya, atas desakan dan tekanan yang hebat dari para nasionalisme bahasa yang bergabung membentuk beberapa NGO ini, kerajaan bersetuju untuk membuat kajian semula terhadap pelaksanaan dan pencapaian pelajar PPSMI ini sehingga membawa kepada pengumuman pemansuhan dasar PPSMI yang berkuat kuasa pada 2012 oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Muhyiddin bin Yassin.

Pengajaran dan pengalaman yang sangat berguna buat Malaysia dalam isu PPSMI ini dengan kerajaan kembali kepada dasar dwibahasa ini dan memberi nafas baru kepadanya dengan nama Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkasa Bahasa Inggeris (MBMMBI). Kerajaan kembali kepada asas fundamental dalam isu ini iaitu kembali kepada penguasaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Memartabatkan dan memperkasakan nya serta menggunakannya merentasi kurikulum.

---

<sup>67</sup> LKY sendiri menyatakan bahawa kesilapan satu yang biasa di dalam dasar pendidikan dwibahasa.

MBMMBI ini telah dilancarkan sebagai reaksi balas selepas pelbagai siri kajian, bantahan dan demonstrasi yang berlaku dalam mendesak agar dasar PPSMI dihapuskan. Dasar ini adalah dasar kedwibahasaan yang sedia ada di dalam dasar pendidikan kebangsaan. Memartabatkan Bahasa Melayu bermaksud meletakkan Bahasa Melayu pada tempat yang sepatutnya, sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perkara 152, Perlembagaan Malaysia. Bahasa Melayu juga merupakan bahasa pengantar utama pendidikan berdasarkan Akta Pendidikan 1996. Memperkukuh Bahasa Inggeris membawa maksud memantapkan penguasaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa yang wajib dipelajari, bahasa komunikasi dan bahasa ilmu di peringkat nasional dan antarabangsa. Pelbagai strategi dan pendekatan telah digariskan oleh pihak kerajaan dalam menjayakan MBMMBI ini. Masih di peringkat permulaan dasar ini dan kesannya masih belum dapat dilihat dan dinilai.

Namun demikian dalam konteks ilmiah biasanya setiap perdebatan akan dimulakan dengan persoalan bagaimana mahu mengukur sesuatu yang di sebutkan sebagai "Memartabatkan" dan "Memperkukuhkan?" Sejauh manakah dan bagaimanakah "Memartabatkan"<sup>68</sup> dan "Memperkukuhkan" boleh diukur? Tidakkah ia terlalu abstrak? Jika menggunakan andaian LKY yang percaya manusia secara umumnya hanya mampu mahir satu bahasa dalam satu-satu masa, mungkin perlu difikirkan semula istilah seperti "**Kemahiran Berbahasa Melayu dan Penguasaan Berbahasa Inggeris**" untuk menunjukkan beza nilai dan keutamaan.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (1999). *Asimilasi Bahasa: Suatu Tinjauan Terhadap Dasar Pendidikan Bahasa dan Penerimaan Bahasa Melayu di Malaysia Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. (2009). Mengapa Kami Bantah PPSMI. Dalam Hassan Ahmad. (pytg.). *Nasionalisme dan Perjuangan Bangsa*. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Han Foo Kwang & Rakan. (2011). *Lee Kuan Yew - Hard Truth To Keep Singapore Going*. Singapura: Straits Times Press.
- Kamsiah Abdullah. (1994). *Kedwibahasaan, prestasi akademik, dan penguasaan Bahasa Melayu di kalangan penuntut Melayu di Singapura*. Singapura: Angkatan Sasterawan 50.
- Lee. K.Y. (1998). *The Singapore Story*. Singapore : Times Editions Pte Ltd.

---

<sup>68</sup> Di Singapura bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan; sebagai bahasa kebangsaan ia digunakan dalam lagu Kebangsaannya "Maju lah Singapura" dan menjadi bahasa arahan dalam ketenteraan. Singapura juga menganggap itu sudah cukup untuk memartabatkan atau mendaulatkan bahasa Melayu.



- Lee, K. Y. (2000). *From Third World To First - The Singapore Story : 1965-2000*. Singapore : Marshall Cavendish.
- Lee, K. Y. (2012). *Lee Kuan Yew My Lifelong Challenge Singapore's Bilingual Journey*. Singapura: Straits Times Press.
- Seah, C. M. (ed.). (1977). *Asian Values & Modernisation*. Singapore University Press.
- Tom, P. (2012). *Dr M: Operasi Malaysia Wawancara dengan Mahathir Mohamad (Edisi Bahasa Malayu ole Afdhal Lutfi Abd Latif)*. Singapura: Marshall Cavendish.
- Tom, P. (2011). *Conversations with Mahathir Mohamed - Doctor M : Operation Malaysia*. Singapura: Marshall Cavendish.
- Tom, P. (2010). *Conversations with Lee Kuan Yew..Citizen Singapore: How To Build A Nation*. Singapura: Marshall Cavendish.
- Zainuddin Maidin. (2008). *Surat daripada Dr Mahathir*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.